

Skin Tetap dan Berpencen

Syor tiada lantikan baharu belum dibincang: Tun M

Alor Setar: Kerajaan belum berbincang dan membuat sebarang keputusan berhubung cadangan tiada lagi lantikan baharu dalam perkhidmatan awam di bawah Skim Tetap dan Berpencen, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun pihaknya menyedari terdapat masalah pada skim sedia ada kerana kerajaan perlu mengeluarkan kos yang tinggi bagi pembayaran pencen ketika ini.

"Pencen sekarang menjadi masalah kerana ada pegawai kanan ketika ini mendapat gaji besar sehingga RM20,000 sebulan dan mereka akan mendapat pencen se-

"Ada masalah pada skim sedia ada kerana kerajaan perlu mengeluarkan kos yang tinggi bagi pembayaran pencen ketika ini.

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

paruh daripada gaji terakhir itu.

"Dahulu gaji pegawai kanan tidak lebih RM6,000 atau RM7,000 sebulan dan mereka dapat pencen kira-kira RM3,000 sebulan, tetapi kita faham kos hidup juga meningkat jadi kita kena kaji skim pencen sepanjang masa," katanya selepas merasmikan Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di sini, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dolah berkata, mekanisme baharu menggantikan Skim Pencen Perkhidmatan Awam dijangka dilaksanakan tahun depan membabitkan lantikan baharu dalam sektor itu.